

# Schooling pemenang 'menakjubkan'

SEJAK kecil, Joseph Schooling sudah pun menunjukkan keistimewaannya.

Sedang ramai anak kecil berusia lapan hingga sembilan bulan masih dikandung, Schooling sudah pun kuat berjalan, tanpa dibantu ibu bapanya.

Beliau juga sukakan air dan tidak boleh berjauhan daripada kolam renang.

Keistimewaan jaguh renang keturunan Serani itu memuncak dengan kehebatannya di temasya Sukan Komanwel Glasgow (Scotland) dan Sukan Asia Incheon (Korea Selatan) tahun lalu – pencapaian yang melihatnya dinobatkan sebagai Atlit Terbaik anjuran akhbar *The Straits Times* (ST) yang berlangsung di Hotel Raffles semalam.

Schooling, 19 tahun, kini mahasiswa di Universiti Texas, Amerika Syarikat, mengatasi empat calon lain termasuk srikan-di bowling yang memenangi pingat terbanyak Singapura di Incheon, Jazreel Tan, untuk dipilih sebagai pemenang edisi keenam anugerah ini yang mula dikenalkan pada 2008.

Tiga calon lain ialah dua peserta kapal layar yang merangkul pingat emas di Sukan Olimpik Belia (YOG) tahun lalu – Samantha Yom dan Bernie Chin – di samping juara junior dunia dalam sukan kiu (cuesports), Aloysius Yapp.

"Saya benar-benar berbesar hati kerana ini anugerah terbesar kedua saya selepas Anugerah Sukan Singapura. Saya ghairah mahu menjadi kebanggaan negara di Sukan SEA nanti," ujar Schooling melalui sidang video di majlis anugerah semalam kerana tidak berpeluang kembali ke tanah air.

Bapa dan ibunya, Colin dan May, mewakili anak mereka semasa menerima anugerah daripada tetamu terhormat, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong.

Dalam ucapannya pula, Editor Sukan akhbar ST, Encik Marc Lim, akui tahun lalu adalah "tahun yang menakjubkan" bagi Schooling yang sewajarnya dipilih sebagai pemenang anugerah tahun ini.

Selain sebutir perak di Sukan Komanwel, emas Schooling di Sukan Asia (selain memenangi sebutir perak dan gangsa) adalah emas pertama Singapura sejak 1982.

Tahun lalu, anugerah ini dimenangi bintang bola sepak nasional, Safuwan Baharudin, yang kini menyarungi jersi Melbourne City FC dalam Liga Australia.

▶ ANWAR YAHYA



**KEHEBATAN DIKTIKRAF:** Joseph Schooling yang kini melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat diwakili oleh bapa dan ibunya, Colin dan May, yang menerima anugerah Atlit Terbaik anjuran akhbar *The Straits Times* daripada tetamu terhormat, Encik Lawrence Wong, semalam. – Foto THE STRAITS TIMES

**KEHADIRAN LEGENDA:** Tiga legenda sukan setempat, (dari kiri) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican (silat), Syed Abdul Kadir Syed Abu Bakar (tinju) dan Khatijah Surattee (menembak), turut menyeronokkan majlis anugerah Atlit Terbaik ST semalam. – Foto ANWAR YAHYA